



Soalan tentang Vaksin COVID-19



Adakah pemvaksin COVID-19 akan melindungi saya daripada dijangkiti COVID-19?

Ya. Pemvaksin COVID-19 berfungsi dengan mengajar sistem imun anda cara untuk mengenali dan memerangi virus yang menyebabkan COVID-19, dan ini akan melindungi anda daripada dijangkiti COVID-19. Adalah penting untuk terlindungi daripada jangkitan kerana walaupun ramai orang yang dijangkiti COVID-19 hanya mengalami penyakit yang ringan, ada yang mungkin menghadapi penyakit yang teruk, menghadapi kesan kesihatan jangka panjang ataupun mati.

Adakah vaksin COVID-19 akan menyebabkan saya dijangkiti COVID-19?

Tidak. Tiada vaksin COVID-19 yang diluluskan dan dicadangkan atau vaksin COVID-19 yang sedang di bawah pembangunan di Amerika Syarikat mengandungi virus hidup yang menyebabkan COVID-19. Hal ini bermaksud bahawa vaksin COVID-19 tidak akan menyebabkan anda dijangkiti COVID-19.

Selepas menerima vaksin COVID-19, adakah saya akan disahkan positif COVID-19 dalam ujian virus?

Tidak. Kedua-dua vaksin yang baru diluluskan dan dicadangkan serta vaksin COVID-19 lain yang sedang menjalani ujian klinikal di Amerika Syarikat tidak akan menyebabkan anda disahkan positif dalam ujian virus, yang digunakan untuk mengenal pasti sama ada anda mempunyai jangkitan semasa.

Jika saya pernah menjangkiti COVID-19 dan sudah sembuh, adakah saya perlu menerima vaksin COVID-19?

Ya. Disebabkan risiko kesihatan teruk yang berkaitan dengan COVID-19 serta terdapat kemungkinan jangkitan semula COVID-19, vaksin adalah penting tidak kira sama ada anda pernah menjangkiti COVID-19. Pada masa ini, pakar-pakar tidak tahu tempoh masa seseorang terlindung daripada jangkitan sekali lagi selepas pulih daripada COVID-19. Imuniti yang seseorang peroleh melalui jangkitan, dikenali sebagai imuniti semula jadi, berbeza mengikut orang. Sesetengah bukti awal menyatakan bahawa imuniti semula jadi mungkin tidak dapat bertahan lama.

Adakah vaksin COVID-19 akan mengubah DNA saya?

Tidak. Vaksin mRNA COVID-19 tidak akan mengubah atau berinteraksi dengan DNA anda dalam apa-apa cara.

Adakah selamat untuk saya menerima vaksin COVID-19 sekiranya saya ingin mendapatkan anak satu hari nanti?

Ya. Orang yang ingin mengandungi pada masa depan boleh menerima vaksin COVID-19. Orang yang cuba untuk mengandungi sekarang atau orang yang merancang untuk cuba pada masa depan boleh menerima vaksin COVID-19.

